

Rumah Ventus juara baharu

Menjuarai Kejohanan Merentas Desa Peringkat SMK Pantai IBWS 2020

LABUAN: Rumah Sukan Ventus muncul sebagai juara baharu di Kejohanan Merentas Desa Peringkat SMK Pantai IBWS yang telah diadakan baru-baru ini

Seramai 986 orang murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 telah menyertai kejohanan ini dengan jarak larian sejauh 6 kilometer yang dibahagikan kepada 6 kategori iaitu Lelaki 13, Perempuan 13, Lelaki 15, Perempuan 15, Lelaki 18 dan Perempuan 18.

Para peserta memulakan larian dari Taman Pantai (berlari mengikut trek yang telah disediakan) merentasi Jalan Batu Arang dan Jalan Pohon Batu serta berakhir di Dewan SMK Pantai IB Word School.

Dengan jarak larian sejauh 6 km itu tidak mematahkan semangat para pelajar SMK Pantai IBWS untuk turut serta dalam pertandingan merentas desa pada kali ini.

Pada pukul 7 pagi, para peserta mengikut kategori telah dilepaskan dengan jayanya oleh Pengetua Norazita Md. Nor @ Shamsuri.

Kejohanan ini mendapat kerjasama yang erat daripada pasukan Polis Trafik



SUASANA: Suasana semasa larian Kejohanan Merentas Desa Peringkat SMK Pantai IBWS 2020, baru-baru ini.

Labuan dan anggota polis dari Balai Polis Lubuk Temiang serta empat orang anggota dari APM untuk bantuan kecemasan dan keselamatan sepanjang kejohanan berlangsung.

Sementara itu, atlet rumah sukan Ignus, Alexander Boyd Oliver muncul johan kategori L13 manakala johan kategori L15 ialah Mohd Nor Azam Herifian dari rumah sukan Terra sementara Aiman Nazwan Aqra Ahman dari

rumah sukan Ignus menjuarai kategori L18.

Manakala johan perempuan P13 ialah Siti Nurriqah Ritahuddeen rumah sukan Terra, juara kategori P15 Nurazirah Johari dari rumah sukan Aqua dan Nur Faraheen Erwiefa Mohd Farid Afie juara kategori P18 dari rumah sukan Ventus.

Hadiah-hadiah berupa medal disampaikan oleh Norazita.

Norazita tidak lupa men-

gucapkan terima kasih kepada semua guru yang datang seawal pukul 6 pagi untuk memastikan kejohanan berjalan lancar selaras dengan slogan sekolah iaitu 'Sepakat membawa berkat'.

Beliau berharap atlet yang terpilih nanti akan memberikan saingan sengit kepada pasukan sekolah menengah yang lain di Kejohanan Merentas Desa MSSWPL yang dijadual diadakan pada 8 Februari depan.



JUARA: Norazita (tiga kanan) bersama juara merentas desa setiap kategori.